

Penurunan OPR masa sesuai susun semula perbelanjaan



Timbalan
Pengarah
(Komunikasi
Korporat),
Pusat Strategi dan
Perhubungan
Korporat (PSPK),
Universiti Putra
Malaysia (UPM)

Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed
bhrencana@bh.com.my

Penurunan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 2.75 peratus dapat meredakan keresahan rakyat, sekali gus merangsang aktiviti pertumbuhan ekonomi Malaysia di tengah-tengah ketidaktentuan global dan prospek inflasi sederhana.

Antaranya meringankan beban pinjaman seperti perumahan, kereta dan peribadi. Bayaran bulanan dijangka menurun dan memberikan tambahan duit poket kepada pengguna. Lebihan tunai akan merangsang aktiviti perniagaan dalam negara dan merancakkan ekonomi domestik secara keseluruhannya.

Justeru, rakyat perlu ambil peluang dengan menyusun semula jadual perbelanjaan harian dan bulanan isi rumah supaya dapat meraih manfaat penuh, yakni bijak mengelak perbelanjaan tidak penting atau bersifat mewah dan kehendak semata-mata.

Persekitaran geopolitik dan ekonomi dunia tidak menentu turut memberi impak langsung kepada ekonomi negara serta kehidupan rakyat terutama tindakan Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump berkeras dengan tarif import termasuk ka-

dar 25 peratus ke atas produk dari negara ini.

Inilah masa untuk kita fokus kepada keperluan amalan kemahiran berbelanja secara berhemat agar lebihan tunai digunakan sebaik mungkin.

Setiap ketua keluarga perlu meneliti semula jadual perbelanjaan harian dan bulanan bagi mengenal pasti fokus keutamaan masing-masing.

Antara strategi bijak adalah mengutamakan barangan buatan Malaysia. Barangan tempatan bukan sahaja lebih murah, malah tidak ada kurangnya dari segi kualiti dan fungsi.

Tarif dikenakan AS boleh menyebabkan harga barangan import meningkat, terutama barangan bergantung kepada import bahan mentah. Maka, pengguna perlu bijak dan segera beralih kepada produk tempatan.

Harus diingat, apabila perbelanjaan rakyat semakin rancak, maka kadar permintaan terhadap barangan akan bertambah dan mula mengalami masalah kenaikan harga. Walaupun penurunan OPR menyebabkan kos pinjaman lebih rendah, pengguna perlu bijak membuat keputusan sebelum membuat pinjaman baharu.

Misalnya, tiada keperluan menukar kereta baharu semata-mata kerana kos pinjaman lebih rendah, sebaliknya teliti dan dapatkan pembiayaan untuk tujuan lebih bermanfaat seperti memulakan perniagaan untuk menambah pendapatan sampingan atau menambahkan modal untuk merancak-

kan perniagaan sedia ada.

Dengan kadar faedah rendah, ini juga masa untuk individu meneliti melabur dalam bidang hartanah, namun pastikan kita melaksanakan proses penilaian prospek dan risiko sewajarnya.

Masyarakat juga perlu menilai semula strategi simpanan dan deposit tetap bagi mengekalkan pulangan optimum kerana penurunan OPR mungkin berdepan penurunan pulangan bagi akaun simpanan dan deposit tetap.

Pengguna perlu membuat analisis perbandingan bagi menilai kadar antara bank atau meneroka pilihan pelaburan lain lebih menguntungkan.

Kawalan sendiri bijak dan tahap disiplin tinggi mampu mengawal nafsu perbelanjaan, sekali gus memberikan manfaat besar kepada semua.

Walaupun antara objektif utama penurunan OPR adalah untuk menggalakkan perbelanjaan dan merangsang pertumbuhan ekonomi, kita jangan terlalu ghairah hingga terjebak dalam hutang baharu atau tidak mampu mengawal perbelanjaan.

Sebaliknya, gunakannya untuk mengurangkan beban hutang tertunggak dan meningkatkan tabung kecemasan, selain fokus kepada keperluan hakiki seperti perbelanjaan barangan keperluan asas, pendidikan serta kesihatan. Ukurlah baju di badan sendiri, jangan sampai hilang kawalan dan menambah beban kewangan. Ini bukan masa kita boros atau menjalani gaya hidup mewah.